

HIPOKRIT MALAYSIA
Chedet.cc
28 October 2016
Tun Dr Mahathir Mohamad

1. Keadaan politik dan pemerintahan di Malaysia agak pelik dan ganjil.
2. Di lain-lain negara di dunia, pemimpin besar diturunkan jika melaku perbuatan yang salah atau dituduh salah. Jika tidak diturunkan, pemimpin digantung jawatan sementara siasatan dibuat.
3. Tetapi di Malaysia walaupun terdapat bertimbun-timbun bukti salahlaku Najib berkenaan pinjaman yang dibuat oleh 1MDB yang dipengerusi olehnya, kehilangan berbillion Ringgit oleh 1MDB, kegagalan membayar faedah hutang, kesalahan pelaburan, terdapat 2.6 billion Ringgit dalam akaun peribadi Najib dalam Arab Malaysian Bank, kenyataan yang tidak munasabah tanpa bukti/dokumen akan punca wang itu yang dibuat oleh Najib, kenyataan oleh akhbar asing tentang punca wang itu, dakwaan laporan oleh Jabatan Keadilan Amerika Syarikat bahawa wang itu dari 1MDB, kemasukan RM42 million dari SRC International (milik Kementerian Kewangan diperbadankan) ke dalam akaun peribadi Najib, ia masih berada sebagai YAB Perdana Menteri Malaysia. Selain dari itu, Tan Sri Muhyiddin Yassin semasa masih Timbalan Perdana Menteri telah dimaklum oleh Tan Sri Gani Patail akan kemasukan ke dalam akaun Najib di AmBank berbillion Ringgit. Sekarang Husni Hanadzlah pula menyoal berkenaan 1MDB dan pengurusannya.
4. Penerimaan Najib ini adalah oleh kerana Ahli Dewan Rakyat termasuk Ahli Kabinet dan penyokong Najib dalam UMNO, MCA dan lain-lain parti dalam BN masih kononnya menanti sehingga Najib didapati bersalah sebelum mereka terima kebenaran tuduhan-tuduhan terhadapnya.
5. Pendirian ini cuma merupa alasan yang lemah terhadap pendirian mereka. Sebenarnya mereka tahu tuduhan terhadap Najib memang berasas dan benar.
6. Mereka tahu bahawa sebabnya Najib tidak didapati bersalah ialah kerana ia sendiri menyalahguna kuasanya dengan menyekat proses undang-undang dengan menukar Pendakwa Raya supaya penjawat yang baru menolak segala tuduhan terhadapnya.
7. Jika proses perundangan berjalan Pendakwa Raya akan membawa kesnya ke mahkamah dan perbicaraan boleh diadakan. Menurut tuduhan dan bukti yang diketahui umum Najib tetap akan didapati bersalah oleh mahkamah.
8. Tetapi Pendakwa Raya menyembunyi laporan-laporan ini supaya mahkamah tidak dapat mendengar kes Najib. Sebaliknya Pendakwa Raya berlagak sebagai hakim dan memutuskan bahawa tidak ada kesalahan dibuat oleh Najib dalam laporan-laporan yang diserahkan kepadanya.
9. Yang jelas ialah Najib bukan didapati oleh mahkamah tidak bersalah, tetapi perbicaraan tidak dapat diadakan kerana disekat oleh Pendakwa Raya.
10. Alasan mereka yang kononnya menerima Najib sebagai Perdana Menteri kerana ia tidak didapati bersalah, hanyalah alasan yang tidak berasas.
11. Mereka sebenarnya cuba menipu diri dan menipu masyarakat. Mereka bersikap hipokrit. Mereka tahu tindakan Pendakwa Raya menghalang proses perundangan adalah salah.

12. Amatlah malang Malaysia mempunyai wakil rakyat dan pemimpin masyarakat hipokrit yang turut bersama dengan Najib menjayakan penipuan olehnya.

44 thoughts on "HIPOKRIT MALAYSIA"



1. [Log in to Reply](#) **sibotak** Oct 31, 2016 7:35 AM

Kelihatan dah banyak Tanah Pusaka Melayu telah Jatuh
Ke tangan Cina Singapura , Cina China di Johor malah semerata Tanah Malaysia

Najib mengadai Tanah untuk tembus hutang sambil mengambil kesempatan peribadi
Sultan juga membuka jalan pada Pembangunan China
Anak Bumi kesempitan sampai bergadai Tanah

So , Apa itu Pembangunan jika Pembangun itu bukan milik kita ?

Begitu juga zaman silam Singapura

Banyak tanah melayu di gadai untuk Pembangunan Negara
Hujungnya Anak Bumi Singapura merempat di tanah sendiri
Berumah Burung Merpati , berhutang untuk membayarnya
Satu rumah kecil di sumbat hingga 10 orang
Ada juga rumah Merpati sewa yg diduduki oleh 3 Keluarga
Bayangkan macamana nak Mengawan Malam Jumaat ?

Pembangunan untuk siapa ?

Kekayaan milik siapa ?

Di manakah haluan hujungnya nasib anak Bumi kita ?

Adakah di China , di India

Orang Melayu wujud Bertapak , Bermastautin , mempunyai Tanah juga Hak memiliki ?

Jika Pemerintah seperti Najib di Teruskan yg tidak mempunyai Haluan

Hanya tiba masa sahaja Malaysia akan di Jelajah

Bukan secara Military tapi secara Economy

Kedaulatan Sultan juga akan di Gugat

Jangan mimpi Anak Bumi masih bolih lagi berdagang di kaki lima
menjual Burger Ramly

Maka hakikat ini menjadi Tanggung Jawab anggota UMNO yg berani kerana Benar

Tanggung Jawab Anak Bumi bagi menjamin nasib anak cucu mereka kelak

Tanggung Jawab Sultan sekarang menjaga KeDaulatan KeSultanan Melayu

Lihat saja pada Tun Mahathir

Silap membuat keputusan memilih Menantu

Memilih PM yg lemah Gemalai Pak Lah

Di sambung pula Penyagak Najib

Saya yakin Putra Jaya ada Hasutan & Gengaman Kerajaan Asing

Yang Menangkis Tunjuk Ajar & Tidak Hormat Bimbingan juga Nasihat Tun Mahathir
Ini saya yakin Tun juga dapat merasanya

Sekarang Tun sudah penghujung usia nak tubuhkan Parti Baru
Seharusnya Tun jika Bijak macam Lee Kuan Yew
Tun sekarang sudah memantapkan Kedudukan UMNO
Wawasan 2020 Insyallah mungkin hampir tercapai

Sekarang , Nasi dah Jadi Bubur
Maka marilah kita bersama makan bubur dengan telur asin
Berak cangkung bercangkung bersama



2. [Log in to Reply](#) **asahamat** Oct 30, 2016 10:12 PM

Assalamualaikum wbt Tun

Pertama, strategi kita utk tumbangkan Najib MO1 harus berubah dari cara biasa BN kalahkan Pembangkang. BERSATU sepertinya terikat dgn cara BN terutama UMNO dan pembangkang. Sejak sekian lama BN kalahkan pembangkang dgn sebar keburukan. Begitu juga Pembangkang lawan BN dgn cara yg sama terus menerus ie kritik. Keburukan boleh disebar, tetapi caranya jgn sampai menjadikan pendengar terutama Melayu meluat, muak. Cara Pembangkang sebar keburukan Kjaan BN sekarang saya berani katakan sangat memeluatkan ie memuakkan Melayu.

Kita kena ubah strategi. Di antara yg penting yg dapat saya sarankan antara lain adalah:

(1) Melayu kena ke depan lawan BN. Cina dan India kena hanya beri sokong padu dalam diam². Mathematic demografi Negara kena fahami dan akui. Tak perlu jadi jaguh tetapi kalah. Kelemahan Kjaan BN kini perlu dikemukakan dlm nada membuka fikiran Melayu. Kutuk², Melayu sudah muak. Silap² boleh jadi senjata makan tuan.

(2) BERSATU, PKR, Amanah, Warisan, (PAS), DAP, dll nak tumbangkan BN. Tetapi kenapa masih guna istilah Pembangkang utk kenalkan diri kita? Istilah Pembangkang itu, adalah istilah yg Melayu tak suka dan setia kaitkan dgn sifat² tidak betul. Ubahlah dan perkenalkan kita ini dgn nama kelompok Umum contohnya Gagasan Rakyat Bersatu ie Gagasan atau apa² yg wajar dan ada ummm. Hentikan penggunaan istilah pembangkang di kalangan kita. Kita harus bergerak ke arah kematangan politik dan politik bersih. Biar BN di satu pihak dan kita adalah alternatif jelas rakyat.

(3) Secara kumpulan wajar dianjurkan Sholat Hajat dan apa² sholat bagi memohon pertunjuk dan kekuatan dari Allah agar kita sentiasa jujur kepadaNya dalam perjuangan kita. Kita juga harus mengadakan bacaan Yasin beramai² juga secara individu dsb bagi memperkuatkan semangat juang kita. Kita harus kembali ke jalan Allah dan adat yg Melayu terima dlm cara kita memenangi hati mereka. Watak Islam, Melayu dan Kenegaraan harus kita amal dan tunjukkan sekarang.

(4) Di setiap Negeri, kita harus ada strategi khusus. Contohnya, di Sarawak, BERSATU jgn masuk. Biarkan PKR, DAP dan Amanah terus bertarung di sana. Sebaiknya BERSATU harus lambaikan Olive Branch kpd rakyat Sarawak dan Adenan Satem. Bagi Sabah, Tun telah letakkan batu asas kepada UMNO di Sabah. Sallek Keruak hendak hapuskan legacy Tun, dan salah satunya harus hapuskan kuasa

UMNO di Sabah. Kita harus bantu Salleh Keruak dgn cara perkukuhkan Warisan dll utk menentang BN Sabah. Saya yakin, jika kita ada strategi umum dan khusus, In Shaa Allah kita akan Allah bantu selagi kita jujur. Jujur adalah modal utama merobah Melayu.

Saya berdoa, Tun dan kita semua bulat berusaha merobah latar politik Negara. Legacy sebenar Tun adalah dgn cara memberikan rakyat Msia pilihan dalam berpolitik ie BN Conservative and Rakus atau Kita yg Dinamik dan Amanah kita Msia gagal jadi Negara Maju dlm 2020, setidak2 kita menjadi Negara matang dlm politik. In Shaa Allah



3. [Log in to Reply papan_keyboard](#) Oct 30, 2016 8:51 PM

Parti najis tau rakyat tak suka dengan mereka. Baru2 ni dalam video tersebar baju merah aka (dumno geng prabayar) tendang budak yg naik motor pakai baju kuning. Polis pun tengok je kan. Betul tak? Nampak sangat parti najis takut melayu join baju kuning. Perponganda parti najis tak berkesan tu yg sekarang diorang pakai ugutan.

Parti BN macam ni ke kita patut undi pada 2018 nanti? Jangan risau nanti parti najis up lagi brim banyak2 lepas tu semua subsidi untuk rakyat ditarik balik. Berseronoklah pegang duit brim yg boleh tahan berapa hari je dengan harga barang keperluan melambung naik lagi. Terus kan usaha anda dumno, puteri dumno dan pemuda dumno. Hiduplah dalam mimpi. Mimpi la sepuas2 yg parti UMNO BN masih relevan lagi.



4. [Log in to Reply The Hidden Secret](#) Oct 30, 2016 8:39 PM

Salam!

Sistem pemerintahan dan perundangan Malaysia memang tak betul dari sebelum Najib berkuasa.

AG, IGP dan SPRM semuanya report kepada PM atau Menteri.



5. [Log in to Reply Hajar](#) Oct 30, 2016 8:38 PM

Salam YAB dan Yang Amat DiKasihi Tun,

1. Ada pelbagai jenis / golongan orang HIPOKRIT di Malaysia pada masa ini.
2. Dalam blog Tun ini pun ada ramai (berdasarkan apa yang saya baca sejak sekian lama) yang hipokrit. Tapi biasalah, mana ada manusia yang mahu mengaku kerana panggilan hipokrit ini buruk.
3. Dulu semasa Tun dalam UMNO, bukan main lagi mereka (yang hipokrit) balun dan hina Tun. Sekarang nada mereka dah lain terhadap Tun (tapi masih lagi kekal membalun Kerajaan BN / UMNO; jika bukan DSN jadi PM pun, mereka ini tetap istiqomah membalun BN/ UMNO). Cuma sekarang, semakin hebatlah kerana kekorupan DSN yang nyata.

4. Ada pula yang hipokrit dari segi sikap dan penulisan yang berubah-ubah (perubahan karakter dari alim/baik menjadi pemaki-hamun dan sebaliknya mengikut 'mood' agaknya.).
5. Sekejap bukan main lagi dengan pelbagai dalil al-Quran (sebenarnya blog Chedet bukan tempat yang sesuai untuk ayat2 al-Quran Arabic sebab jika orang baca blog ini dalam tandas contohnya, tiba2 keluar ayat2 al-Quran keadaannya sudah jadi TIDAK BAIK), tapi pada masa lain pula pernah memanggil pembaca2 blog Tun 'BAB*' atau khinzir dan panggil orang MELAYU BOD*H (secara am... dia kata ada atuk/nenek keturunan Cina; who cares! Seolah-olah dia kebal untuk hina orang Melayu sebab berketurunan Cina). Kalau ye pun marah takkan semua orang Melayu dihamun.
6. Ada juga lupa yang dulu demonstrasi2 BERSIH (yang kotor) ada perbagai keganasan. Mereka yang hipokrit tidak pula kecam BERSIH sebab mereka penyokong Pembangkang tegar sedari dulu. Tapi jika musuh atau lawan mereka yang lakukan, bukan main marah lagi mereka ini (jika benar yang melakukan pihak lawan sebab kadang2 ada juga kes orang menyamar).
7. Jika kita tidak hipokrit, apa yang buruk tetap kita cela dan kutuk tanpa mengira siapa yang melakukannya, samada kawan atau lawan. Tapi, yang HIPOKRIT akan memilih-milih untuk mengutuk 'perbuatan buruk' yang dilakukan oleh pihak2 yang berbeza.
8. Ada juga para penyokong Tun yang berubah kerana 'wang tunai'. Ini pun golongan yang hipokrit juga, sebab perjuangan Tun tetap sama dan Tun tetap orang yang sama. Perjuangan Tun masih asli (terjamin keasliannya – 'original'). Tapi kerana 'Cash is King' mereka beri pelbagai alasan untuk halalkan wang haram yang mereka dapat dari rejim Najib.
9. Yang lagi hipokrit ialah yang berpura-pura jadi Melayu Islam di alam siber (ini macam kes Pork Burger atau Burger Bab* di beri nama Melayu Islam 'P. Ramly'; sengaja cari pasal untuk hina Melayu/Islam dan 'Ramly Burger', tapi ada golongan bod*h/jahil yang kata perkara ini bukan isu besar kerana mereka memang bod*h/jahil). Orang sebegini (menyamar) memang pengecut. Kita (yang teliti) boleh kenal jika penulis bukan orang Melayu Islam dari gaya penulisan beliau. Orang yang menyamar ini juga boleh hina orang Melayu/Islam tanpa rasa bersalah sebab di alam siber dia ialah Melayu/Islam. Alahai...tujuannya ialah untuk kelirukan orang Melayu Islam.
10. Jadi, jika mahu menggelar orang lain hipokrit, cermin dulu diri sendiri.
11. Apapun, Tun mesti BERHATI-HATI dengan golongan hipokrit yang menyokong Tun semata-mata untuk mencapai matlamat perjuangan politik mereka. (Dulu ada yang kata saya tidak perlu 'advise' Tun sebab 'Tun is wiser'...suka hati sayalah...).

Terima kasih Tun.

*** Semoga Allah S.W.T. sentiasa melindungi Tun sekeluarga ***



6. [Log in to Reply papan_keyboard](#) Oct 30, 2016 8:36 PM

<http://www.zerohedge.com/news/2016-10-28/latest-blow-us-malaysia-will-buy-navy-vessels-china>

Tengok media luar negara kata Malaysia's corrupt Prime Minister Najib Razak, whose involvement in the 1MBD scandal has been extensively reported by the WSJ for over a year now, will sign a contract

to purchase Littoral Mission Ships from China when he visits Beijing next week, according to a Facebook posting by the country's Ministry of Defense.

http://www.zerohedge.com/sites/default/files/images/user3303/imageroot/2014/12-overflow/20141227_golf1.JPG

Ni waktu PM aka MO1 main golf ngan obama. Tu waktu rakyat kelantan ditimpa malapetaka banjir yg teruk. Bila kes 1mdb pecah kita semua boleh nampak muka MO1 merata tempat.

Baru2 ni pemuda dumno buat perarakan sampai ke komtar p. Pinang. Untuk apa? Nak tunjuk yg rakyat tak takut kat cina? Baru2 ni member kata last2 cina pegang TNB. Bagus bukan pemuda dummo. Terus kan usaha anda hidup dalam mimpi.

<http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2016/10/30/new-debt-crisis-looms-at-1mdb-linked-src/>

New debt crisis' looms at 1MDB-linked SRC.

Jual sana jual sini jual semua harta milik kekayaan negara.

<http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/10/30/bandar-malaysia-atau-bandar-china-soal-bekas-duta-ke-canada/>

Habis lah malaysia. Tak lama nanti kita semua boleh hidup dalam zaman penjajah. Ops pembetulan zaman negara china. Tanah kepada dumno aka as UMNO.

<http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/10/29/najib-musuhi-dap-tapi-intim-dengan-china-kata-kadir-jasin/>

Siapa nak hormat perompak aka as PM. Dalam bajet 2017 ni pakatan pembangkang keluar beramai2 kalau bajet dibentang oleh penyamun yg terang2 merosakkan malaysia..korang nak support tak? Sekarang rakyat kena ikat perut supaya MO1 dengan sekutu2nya boleh rompak lagi. Dia dengan keluarganya makan indah kita semua? Bertambah miskin. Bagus bukan kita rakyat dalam negara sendiri hidup miskin. Dan seperti biasa dumno hidup dalam mimpi.

Suruhanjaya pilihanraya cukup takut bila tengok semakin ramai rakyat malaysia mendaftar sebagai pengundi baru2 ni. Sampai nak buat persempadan semula. Mungkin rakyat pun dah naik menyampah tengok wakil rakyat yg sepatutnya bela rakyat dari hidup susah sebaliknya mengabaikan rakyat. Mungkin gaji wakil rakyat ni tinggi sepatutnya kurang bagi sama dengan gaji rakyat baru wakil rakyat ni sedar dari mimpi kut.

7.  [Log in to Reply](#) **WandyCaswady** Oct 30, 2016 8:22 PM

Remember remember the 5th of November – Guy Fawkes

8.  [Log in to Reply](#) **adelheid** Oct 30, 2016 6:50 PM

Dear Tun,

I couldn't agree more with sc and z2z. Raced based politics, corruption, uncivilised third world mentality, all these have made efforts for reform fruitless and futile, beyond hope and help. You know this better than most of us.

If at all PPBM is to work hand in hand with the rest of the opposition to rid UMNO BN, it won't work until there is real sincerity in the effort for change. We want change that is here to stay for good, not a short lived one that eventually will lead us all back to square one.

The country is in such sad state that only God can help us.

Take good care dear Tun.



9. [Log in to Reply](#) **furqan** Oct 30, 2016 5:42 PM

Salam Tun

Respite is granted for some men to do evil

[15:36-39] (Iblis) said: "O my Lord! give me then respite till the Day the (dead) are raised." (Allah) said: "Respite is granted thee. "Till the Day of the Time appointed." (Iblis) said: "O my Lord! because Thou hast put me in the wrong, I will make (wrong) fair-seeming to them on the earth, and I will put them all in the wrong,-

Cash is even use as a bait to people who claimed they work for the religion. So, those who claimed to be believers, their lies will be made apparent with their complicity with evil deeds ...God has His scheme to separate the pure from impure:

[8:36-37] The Unbelievers spend their wealth to hinder (man) from the path of Allah, and so will they continue to spend; but in the end they will have (only) regrets and sighs; at length they will be overcome: and the Unbelievers will be gathered together to Hell;-In order that Allah may separate the impure from the pure, put the impure, one on another, heap them together, and cast them into Hell. They will be the ones to have lost.

In the early Universe, the "Big Bang" should have created equal amounts of matter and antimatter ...and they would annihilate one another. But somehow matter "won" ..and today, everything we see from the smallest life forms on Earth to the largest stellar objects is made almost entirely of matter.

Similarly, if God would have willed, evil can triumph against good; however, respite is granted, to separate the pure from those who are impure.



10. [Log in to Reply](#) **WandyCaswady** Oct 30, 2016 12:12 PM

Penang-born Dr Ang Swee Chai, like many non-Muslims, could not relate to the suffering of the Palestinians owing to the highly charged religious sentiments of their supporters. She grew up supporting Israel.

"My church celebrated when Israel won the Six Day War," Ang told FMT, referring to the 1967 war that Israel won against Arab forces.

The petite orthopaedic surgeon was in Kuala Lumpur to attend the launching of a new edition of her memoir of the events of September 1982 in Lebanon.

From Beirut to Jerusalem is her eyewitness account as a young volunteer during the Sabra and Shatilla massacre in Lebanon. The killings, blamed on a pro-Israeli Lebanese Christian army, was condemned as an act of genocide by the United Nations General Assembly in December that year.

Ang began to question her beliefs after watching news reports on British television of Israelis flushing out the Palestine Liberation Organisation from Lebanon, sparing neither civilians nor hospitals.

"The Christian in me knew this was wrong," she said. "God's commandment to us is to love, not to kill."

Ang is now 67. Five years ago, she lost her husband, Francis Khoo, a devout Catholic whom she married in 1977 and whose political activism in Singapore made him a target of the Internal Security Act

Ps.... SC!!!!

I really hate you...coz i really envy your writings... Beautifully written... Please write more often



11. [Log in to Reply](#) **sc** [Oct 30, 2016 10:05 AM](#)

Dear Tun,

I just recently arrived back to Malaysia from a Technology tour in Tokyo and Mountain View California. I attended the Microsoft Surface Studio launch and the new Apple MacBook Pro launch.

When you watch videos of the Red Shirts smashing lone Yellow Shirts on motor cycles, predominantly Malays who are carrying out assault in public view with Police officers standing back doing nothing, I must admit, Malaysia is without doubt a third world ugly ugly lawless and disgusting country.

Do you have any comments about what a complete failure Malaysia has become?

Your look East Policy to Tokyo – I can only laugh. Even if you compare Singapore which is a diamond in the rough of SE Asian countries, Malaysia is a complete failure. The majority have not ADVANCED at all.....

If you wish to pit a 7 year old from a Malay school with that of a 7 year old from an US or British school, you can not without a doubt see the knowledge gap in Human intelligence. Malaysia is full of either dumb, naive or corrupt people, and the System is completely broken. A Failure.

What a mess and a joke of a completely uncivilised third world mentality this nation is...

Why? Reforms... Race based politics.... Corruption.

You know it. On certain times you admit it..... It's time you spoke out and admit precisely what is wrong with the nation.... Just say it. Do it for the sake of the nation.

12.  [Log in to Reply](#) **WandyCaswady** [Oct 30, 2016 5:02 AM](#)

“The more knowledge the slave has the more he will fear that he may be among the hypocrites”

– Ibn al Qayyim (Tareeq al hijratayn page 604)

13.  [Log in to Reply](#) **WandyCaswady** [Oct 30, 2016 4:26 AM](#)

Mengikut daripada hasil siasatan bomba bahagian Kuching*tak sahah* Hasil laporan siasatan kebakaran... Mungkin boleh berlakunya kebakaran yg disengajakan... Motif pertama adalah...

1. Untuk mendapat pampasan atau insuran atau derma atau lain2...
2. Untuk mendapatkan projek atau tender pembinaan dewan baru atau tender pembaikan di sekolah tersebut... (Atau Hospital Aminah)
3. Murid bakar dewan Untuk melepaskan geram kerana soalan peperiksaan SPM mata pelajaran SEJARAH ISLAM bertanya soalan yg tiada jawapan.

“1) Mengapa Raja Arab menderma 2.6 Billion kepada Perdana Menteri Malaysia (Ini.... Semua orang tahu... Siapa...orang bodo sahaja yg bodo xtahu siapa penerima derma ni)... Sedangkan rakyat Syria dan Palestina sedang menderita?

(30 Markah)

Tulis dalam karangan serta jelaskan...

2) Terangkan mengapa tidak perlunya masuk ke dalam akaun UMNO sekiranya duit itu di derma atas keselamatan negara? Dimana alasan derma itu disebabkan kerisauan ttg I.S dan perlunya Parti yg teguh? Terangkan...


(30 markah)”

Saya sudah terangkan kepada kamu semua... Satu persatu.. semudah yang mungkin untuk anda semua rakyat Malaysia boleh fahami... Tidak kira apa jua agama dan bangsa kamu... Bukalah mata kamu... Sedarlah dan tengoklah pemimpin2 kamu... Bangunlah wahai rakyat Malaysia!!!

14.  [Log in to Reply](#) **WandyCaswady** [Oct 30, 2016 4:00 AM](#)


Musato...Bravo!!!

Love your idea and your way of mind.. especially bout gathering... I see you far more brilliant than these all crooks of politicians... At least someone with good sense and not blind... Someone that could really see "people using peoples".... Keep it up Musato and Rimba Emas... Jazakallahu khairan kathira...

15.  [Log in to Reply zulu](#) Oct 29, 2016 10:20 PM

PPBM has a bright future and Malays consider them as replacement for SCUMNO. So the leaders of this party should start rigorous campaign from now on. Women vote are more important based on ratio. The campaign should focus on thievery of Najis and his family, and the impact of this useless PM.

A point to ponder...under Najis, Malaysia became one of the country with outdated military. If Najis continues, later soldiers have to fight with bow and arrows.

16.  [Log in to Reply zulu](#) Oct 29, 2016 10:07 PM

Yes, correct...


UMNO built by respected persons like Tun M became SCUMNO under Najis.

The component parties in BN knew the thievery of Najis and his family but still they support their wrong doings. Now People who support these parties traditionally lost their hope and will not vote for them in next GE.

MCA ditched by Chinese people in last GE but they didn't learn lesson from it. Hope they shrink further after next GE.

Every now and then Najis proving himself as hypocrite...for example, his slaves are preventing freedom of speech and movements of Bersih members.

Is Malaysia becoming North Korea under the spell of Rosma?!!!

17.  [Log in to Reply musato](#) Oct 29, 2016 9:03 PM

Assalamualaikum Tun.

Saya tak tahu kenapa kita perlu berhimpun beramai ramai dan mendengar syarahan syarahan mengenai kelakuan buruk pemimpin, dan pada masa yang sama ramai penyokong pemimpin berkenaan tidak sedar sedarkan diri.

Kenapa kita tidak hanya lakukan sembahyang tahajjud beramai ramai mahupun qiamulai? Dah tentu kita mengadu dan meminta pertolongan dari Allah swt.

Dengar cerita Sultan Kelantan berjalan beramai ramai dengan rakyatnya? Apa matlamatnya? Tun ke sana ke mari memberi ceramah. Apa kesudahannya dan tujuannya?

Adakah kerana politik semata mata atau kerana negara? Atau kerana syurga?

Saya pernah tanya apa yang Tun cari bila wujudkan blog ini. Saya kira hati Tun tahu apa dia.

Sebenarnya hati saya tiada di situ walau mendaftar sebagai ahli PPBM.

Inilah cara saya. Parti politik PPBM adalah sebagai satu cara bersama sama orang yang mempunyai jalan itu.

Terima kasih Tun.



18. [Log in to Reply WandyCaswady Oct 29, 2016 9:02 PM](#)

Kenapa masuk ke dalam akaun peribadi?

Kenapa tidak akaun umno itu sendiri?

Sehingga ke hari ini... Persoalan ini masih tiada jawapan lagi dari

0. Agong (Simbol Agama Islam Malaysia)

1. Rosmah Mansor

2. Najib Razak

3. Karl Iskandar

4. Awang Hadi

5. Musa Hitam

6. "Mr. Frankly Speaking"

7. Ali Gusti

8. Burung Keruak

9. Subramaniam

10. Azalina Penkid

11. Pandikar Amin

12. Khalid Abu Bakar

Frankly speaking... Ho yeah Malayu!!! We are so damn proud of you being a typical Malayu!!!



19. [Log in to Reply rimba.emas Oct 29, 2016 6:41 PM](#)

Salam Tun.

1. Ada yang tidak kena dengan akad sumpah bila bekerja dalam kerajaan. Perlu tafsiran yang lebih jelas.

2. Allah s.w.t menjadi kejadian alam termasuklah makhluk ciptaanya.

3. Semua yang di ciptakannya mempunyai sifat yang berlawanan. Contohnya sifat baik lawannya buruk.

3. Di jelaskan kepada umat Islam sifat atau peragai buruk yang ada pada syaitan yang menjadi musoh kepada manusia.
4. Jadi manusia itu sendiri ada yang buruk dan baik.
5. Begitulah juga kerajaan akan ada sifat jahat kalau yang mengetuinya seorang yang jahat .
6. Agak kita bagaimana gambaran ikrar seorang penyamun atau pencuri.
7. Pastinya ikrar menyimpan rahsia termasuklah kejadian rompakan yang telah dilakukan si pencuri tersebut. Adakah ini satu ikrar dalam bentuk rahsia yang BAIK ? .
8. Hairan bin ajaib kalau pihak penguatkuasa seperti Polis cepat respon untuk menyiasat akta rahsia seorang pemberi maklumat kejadian buruk daripada menyiasat kes burok tersebut.
9. Polis selalu memdapat maklumat dari saksi kejadian baru bertindak terhadap kes yang telah berlalu malah memerlukan maklumat penyiasatan yang lebih telus baru berjaya merungkai sesuatu kejadian.
10. Adakah sikap begini akan menyebabkan boleh berlaku gambaran negatif baik buruk penguatkuasa seperti Polis.
11. Sikap buruk bila perlu minta kerjasama dari rakyat (rakan kop atau pemberi maklumat) biasa tetapi bila diminta siasat ketua sendiri si pemberi maklumat adalah pesalah pertama yang di syaki .
12. Agaknya itulah maksud Tun ada yang telah menghipokrik Malaysia.
13. Bahasa bentuk kiasan yang berlapak kadang-kadang tidak menjelaskan maksud RAHSIA itu sendiri atau ia memang di sengajakan untuk menyembunyi keburukan rahsia itu sendiri.
14. Hanya Allah s.w.t yang maha mengetahui rahsia hati sebenar pengangkat sumpah tersebut.

Wallahua'lam.



20. [Log in to Reply faridina](#) Oct 29, 2016 6:15 PM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

'Amatlah malang Malaysia mempunyai wakil rakyat dan pemimpin masyarakat hipokrit yang turut bersama dengan Najib menjayakan penipuan olehnya.' (Sedutan point penutup Tun M)

Hipokrit juga boleh disamakan dengan Munafik bagi pemimpin2 Malaysia yang mengaku beragama Islam.

Hipokrit berasal dari perkataan Inggeris 'hiprocrite' yang membawa pengertian akan sikap seseorang yang berpura2 mempunyai nilai2 moral serta keteguhan prinsip dan kepercayaan agama yang tinggi tetapi hakikatnya perlakuan dan tindakannya tidak melambangkan apa yang dituntut dari ajaran agamanya (jelas menunjukkan perkataan hipokrit itu berasal dari perkataan munafik sebenar2nya).

Dibahagian kedua makna hipokrit dijelaskan sebagai seseorang yang berpura-pura mempunyai sikap dan pandangan berhemah yang diidamkan dan direstui umum tetapi apabila melibatkan gaya hidup diri dan keluarga secara peribadi adalah jauh sekali dari apa yang diucapkan kepada umum.

Rasulullah sallallah-alaihi-wasalam telah menyebutkan dengan jelas seribu empat ratus tahun yang lampau 3 ciri-ciri utama orang-munafik

i. Apabila bercakap dia sering berdusta atau berbohong.

ii. Apabila berjanji dia akan mungkir.

iii. Apabila diberikan amanah dia akan sentiasa pecah amanah atau dalam bahasa mudah tidak jujur.

Makanya apabila kepalanya telah dinobatkan sebagai Raja Munafik bernajis maka tidak hairanlah badan dan ekornya menjadi sedemikian rupa, begitulah adanya dengan pemimpin masyarakat munafik di seluruh pelusuk negara tertipu Malaysia.

Namun apa yang lebih menarik ialah apabila ayahanda mula menyebut nama DS Husni Hanadzlah dalam posting kali ini berhubungkait soal balas bajet di parlimen baru ini.

Kami pernah menulis perihal tindakan DSHH meletakkan 7 jawatan kerajaan dan parti pada 28 Jun 2016 yang lepas dan berasaskan tindakan beliau sememangnya berhubung salahlaku dalam tadbir urus 1MDB.

Jika ditonton rakaman ucapan beliau di Dewan Rakyat berhubung soalan-mengenai 1MDB dapat dikesan getaran suara beliau agak tersekat, kurang lancar dan sedikit gementar.

Dilantik sebagai Menteri Kewangan Kedua (MK2) pada April 2009 selepas TIA diilhamtipukan dan sebelum ditukarnama untuk dibohongi dengan 1MDB siapalah MK2 untuk dimaklumkan tentang skim pendosaan Najis dan Jho Low.

Jelas sekali disini wahai rakyat kenapa Najis memerlukan 2 Menteri Kewangan :-

MK1 – Tugasnya untuk menguruskan hal ehwal kewangan peribadi Najis dan keluarga melalui syarikat 1MDB dan SRC.

MK2 – Tugasnya hanya untuk mengurus takbir hal ehwal negara dan tiada kuasa untuk mencampuri urusan melibatkan tugas MK1.

Kesian rakyat jangan kata TPM masa itu tidak dibenarkan mengetahui perihal 1MDB lebih malang lagi MK2 juga yang mempunyai kepakaran turut dipinggirkan.

Namun apabila ayahanda Tun mula mempersoalkan tentang salahlaku 1MDB tahun lepas bersama SR siapalah kalau bukan MK2 perlu memikul beban atau memikul biawak hidup dalam sesi temubual secara langsung di kaca TV.

Jelas ketika itu beliau tidak dapat menyembunyikan riak wajah dan isyarat badan bahawa beliau tiada pengetahuan tentang takbir urus 1MDB dan segala skim pembohongannya yang hanya dalam bidang kuasa MK1.

DSHH bukan seorang ahli politik sejati yang boleh diharap membela rakyat kerana ketakutan yang hakiki terhadap apa Najis boleh buat terhadap dia dan keluarga.

Itulah sebab dia hanya bersuara sebagai seorang individu yang prihatin tentang nasib dia dan keluarga sahaja bukan mewakili mana2 kumpulan parti politik puak bertentangan dengan Najis.

DSHH anak pak Lebai takutilah Allah swt dan bersama kami dalam PPBM supaya dapat memberi impak kepada rakyat dan sekaligus lebih mudah untuk menjatuhkan Najis di PRU 14 nanti.

Apa2pun permulaan yang baik buat DSHH dan kami berdoa agar beliau dibuka pintu hati untuk berhijrah dari parti Najis ke PPBM dan tambahlah satu kerusi parlimen PPBM menjadi dua di Dewan

Rakyat.

Wasalam Tun.



21. [Log in to Reply](#) **HouseWife** Oct 29, 2016 2:26 PM

Assalamualaikum Tun,

Tun, apa hal pula nak saman mereka yang memberi penjelasan akan kesalahan2 pengurusan 1MDB? 1MDB songlap tabung kerajaan. Dalam demokrasi kerajaan adalah rakyat dan rakyat adalah kerajaan, dan penjamin 1MDB adalah rakyat. Maka rakyat berhak tahu segala kejadian luar dalam 1MDB, sebab skandal financial 1MDB yang berbillion2 rakyat yang kena tampung hutang mereka. Kes ini bukan rahsia lagi dan tak boleh ditutup daripada pengetahuan rakyat. Bukankah tugas pemimpin2 menjaga integriti perlembagaan negara?

